Naib Canselor baru mula tugas

um 4/7/05 6:1

SINTOK, 3 Julai — Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM) Datuk Dr. Nordin Kardi, yang dilantik ke jawatan itu mulai 16 Jun lepas, hari ini memulakan tugas secara rasmi dengan meninjau proses pendaftaran pelajar baru bagi semester pertama sesi 2005/2006 di Kampus Sintok.

Beliau melawat dari satu kolej ke satu kolej bagi mengikuti perjalanan proses pendaftaran itu, berbual dengan pelajar baru serta ibu bapa mereka.

"Ada seorang ibu bapa yang anaknya semua dapat masuk universiti, tempatan dan luar negara, dan saya juga bertemu dengan seorang pelajar buta, yang merupakan pelajar buta pertama belajar di UUM dalam sejarah 20 tahun universiti ini, saya terusik dengan kejayaan keluarga itu dan kegigihan pelajar buta itu," katanya pada sidang media.

Nordin berkata beliau juga telah mengarahkan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Prof. Madya Dr. Abdul Halim Ahmad mencari jalan mengatasi kelemahan proses pendaftaran kerana di setengah kolej, proses pendaftaran mengambil masa lebih dua jam, yang sudah tentu menyusahkan pelajar berkenaan.

"Saya dapati di sesetengah kolej, pelajar terpaksa berbaris dua jam setengah untuk mendaftar dan di kolej lain ada yang ambil masa hanya 20 minit," kata Nordin.

Seramai 5,567 pelajar baru, yang mengikuti 30 program ijazah sarjana muda di 13 fakulti, mendaftar mulai dari pukul 8 pagi hingga 11 pagi ini, mereka termasuk 64 pelajar luar negara iaitu 32 dari Indonesia, 25 dari Thailand, enam dari Pakistan dan seorang dari Yaman. Semua pelajar itu mendaftar di 15 kolej kediaman.

Ditanya mengenai pelantikan beliau menggantikan Prof Datuk Dr. Ahmad Fawzi Mohd Basri yang meninggal dunia pada 23 Mei lepas akibat komplikasi jantung, Nordin menyifatkan dirinya sebagai orang baru dan masih perlu banyak belajar terutama mengenai 'budaya UUM'.

Menamatkan

Dengan kiasan sebagai pemain bola beliau berkata, "Sebelum bermain saya perlu tahu dulu padangnya, peraturan serta undang-undang permainan berkenaan, dan apabila saya bermain ragbi pula, saya harus tahu padangnya serta peraturan dan undang-undang".

Sementara itu, pelajar buta, **Lim Tien Hong,** 22, dari Taiping, berkata beliau berasa gembira dan akan belajar bersungguh-sungguh bagi menamatkan pengajian dengan cemerlang dalam bidang pentadbiran perniagaan.

Anak lelaki kepada Lim Cheng Huat, 50, yang merupakan penjual minuman di Taiping dan isterinya Loh Chai Huat, 49, mengharapkan universiti itu dapat menghulurkan bantuan peralatan baginya mengikuti pengajian dengan sempurna.

Tien Hong buta sejak berusia 10 tahun selepas terbabit dalam kemalangan, apabila basikal yang dinaiki dilanggar sebuah bas di Taiping.

Nordin yang mengulas mengenai pelajar itu berkata UUM akan mengkaji keperluan pelajar berkenaan.

"Beliau adalah pelajar buta pertama di UUM, beliau umpama satu pelajaran baru bagi UUM iaitu bagaimana hendak menguruskan pelajar yang buta," katanya sambil menegaskan bahawa kemudahan yang ada di kampus itu sesuai untuk semua golongan.

— Bernama

DR. NORDIN Kardi beramah mesra dengan penuntut buta, Lim Tien Hong dari Taiping yang mendaftar untuk semester pertama sesi 200/2006 di Kampus Sintok semalam.

um/AAS49/um/04.07.2005/P:6 (1)